



Permohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

### Bil. Iklan Pustaka/01/2014 (1)

1. Skim Perkhidmatan : **Pembantu Akauntan, Gred W17  
(1 KEKOSONGAN – MIRI)**  
Taraf Jawatan : Tetap - Jawatan Berasaskan Caruman  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kewangan  
Jadual Gaji : P1T1 RM 928.74 - RM3,091.39

#### Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Syarat Lantikan (a) warganegara Malaysia  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau  
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Gaji permulaan adalah pada Gred W17: P1T2); atau  
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Gaji permulaan adalah pada Gred W17: P1T5); atau  
(iv) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Gaji permulaan adalah pada Gred W17:P1T9);  
DAN (d) Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### Cara Memohon:

1. Permohonan hendaklah secara bertulis beserta dengan butir-butir peribadi (curriculum vitae) yang lengkap dengan memberi keterangan tentang kelayakan, pengalaman, salinan sijil-sijil berkaitan dan sekeping gambar berukuran passport ke alamat:

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PUSTAKA NEGERI SARAWAK  
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium  
Peta Jaya, 93050 Kuching

2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini
3. Setiap permohonan MESTILAH disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan
4. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan,permohonan dianggap tidak berjaya
5. Hanya pemohon yang berjaya semasa temuduga sahaja akan dimaklumkan melalui surat tawaran manakala pemohon yang gagal tidak akan dimaklumkan melalui surat.
6. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
7. Tarikh tutup iklan adalah pada : 19 September 2014